

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 7
SURAT

Perluas inisiatif bantu rakyat miliki rumah

RANCANGAN MALAYSIA KE-13



Perluas inisiatif bantu rakyat miliki rumah

MEMBINA 1 JUTA UNIT RUMAH MAMPU MILIK 2026-2035



Skim Jaminan Kredit Perumahan dan Skim Sewa Untuk Beli diperluas

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Kuala Lumpur: Skim Jaminan Kredit Perumahan dan Skim Sewa Untuk Beli (RTO) akan diperluas kepada semua lapisan masyarakat, termasuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Inisiatif itu bertujuan membolehkan semua rakyat mampu untuk memiliki rumah sendiri dan sebanyak sejuta unit rumah mampu milik akan dibina dalam tempoh 2026 hingga 2035.

Inisiatif itu dilaksanakan Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri dan syarikat pemaju swasta dengan peralihan kepada (teknologi) Sistem Bangunan Berindustri (IBS) dan "Building Integrated Management" bagi mempercepat proses pelaksanaan.

Rumah selesa, selamat

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata inisiatif itu bagi membolehkan lebih ramai individu mendiami rumah yang selesa dan selamat, termasuk

yang sudah dilaksanakan dan kini dalam proses, iaitu Program Residensi MADANI dan Program Perumahan Penjawat Awam.

"Selain itu, menerusi Program Bantuan Bina Baharu Rumah; Program Perumahan Mampu Milik dan Rumah Bakat MADANI yang kini dalam pelaksanaan," katanya.

Inisiatif Kota MADANI turut diperluas, iaitu projek Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Putrajaya Holdings bagi membolehkan penjawat awam memiliki rumah mampu milik.

Projek pembangunan Kota MADANI yang mesra alam sekitar serta dilengkapi ciri keselamatan satu inisiatif mega berkonsepkan bandar pintar yang mesra rakyat dan alam sekitar.

- Program Residensi MADANI
- Program Perumahan Penjawat Awam
- Program Bantuan Bina Baharu Rumah
- Program Perumahan Mampu Milik
- Program Bakat MADANI